

**#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>**

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : Bil.(5)dIm.MPK/R:T/2-07

Tarikh : 7 September 2021

Semua Pemaju/ Perunding  
Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Kuantan

YBhg. Dato'/ Tuan

**PEKELILING JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN BIL. 1/2021-  
PEMASANGAN STRUKTUR PAPAN TANDA CUKAI TAKSIRAN BAGI KAWASAN  
PEMBANGUNAN BAHARU DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA KUANTAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Ingin dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 8/2021 pada 27 Ogos 2021 telah bersetuju membuat keputusan sepertimana berikut :

- a. Penyediaan papan tanda cukai taksiran melibatkan semua pembangunan baharu mengikut justifikasi dan skala pembangunan iaitu :

SKALA PEMBANGUNAN	BILANGAN
30 - 100 unit	1 unit papan tanda
>100 unit	Tertakluk kepada keperluan

- b. Penyediaan papan tanda tersebut akan diambilkira sebagai salah satu syarat bagi pematuhan CCC.
- c. Lokasi pemasangan papan tanda akan ditetapkan semasa pemohon mengemukakan permohonan penomboran bangunan kepada Majlis.

**Bil.(5)dIm.MPK/R:T/2-07**

3. Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato'/ Tuan dimohon untuk memastikan semua pembangunan baharu mematuhi arahan tersebut yang berkuatkuasa mulai **1 September 2021**. Rekabentuk struktur dan visual adalah seperti di Lampiran.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID"**

**"KUANTAN BANDARAYA INDAH LESTARI"**

Saya yang menjalankan amanah,



  
**(DATO' HAMDAN BIN HUSSIN, DIMP., SAP., AAP., AMP.)**

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Kuantan

*...naml/desktop/suratpekelilingpapantandacukai*

**CADANGAN REKABENTUK PAPAN TANDA CUKAI TAKSIRAN DI  
KAWASAN PEMBANGUNAN BAHARU**



## CADANGAN VISUAL PAPAN TANDA CUKAI TAKSIRAN

### **SUDAHKAH ANDA MENJELASKAN CUKAI TAKSIRAN/PINTU?**



**CUKAI TAKSIRAN PERLU DIBAYAR DUA KALI SETAHUN**

**SETENGAH TAHUN PERTAMA  
1HB. JANUARI - 28HB. FEBRUARI**

**SETENGAH TAHUN KEDUA  
1HB. JULAI - 31HB. OGOS**

Sebarang pertanyaan sila hubungi Bahagian Cukai Taksiran, MBK.

**09-505 2651 | 2652**



#### **NOTA:**

Menambah *tag line* 'UTAMAKAN KEBERSIHAN DI TAMAN ANDA' dalam visual papan tanda.